

PM umum peruntukan RM10j bantu lancarkan program AIM

Kulim: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan RM10 juta untuk Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi membantu melicinkan program agensi itu dalam membela wanita dari kelompok berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

AIM ditubuhkan pada 17 September 1987, antara inisiatif kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan negara dan setakat ini menyaksikan empat juta isi rumah menikmati pelbagai manfaat menerusi Skim Pembiayaan Ikhtiar (Ekonomi dan Sosial) disediakan agensi itu.

Anwar berkata, peruntukan itu adalah dana awal untuk AIM, yang kini memiliki 326,510 ahli atau Sahabat Usahawan di seluruh negara sebelum tumpuan lebih khusus diberikan dalam Belanjawan MADANI 2024 yang bakal dibentangkan Oktober nanti.

Beliau memaklumkan, RM10 juta berkenaan untuk digunakan sebagai modal perniagaan bagi membantu usahawan wanita di bawah AIM, yang diluluskan selepas beliau dimaklumkan agensi itu sudah lama tidak menerima peruntukan baharu sejak 2012.

"Semasa saya dalam kerajaan pada 1996 dan 1997, ketika itu saya luluskan peruntukan RM200 juta untuk AIM, namun selepas itu (dipecat), tiada lagi peruntukan untuk badan ini. Jadi, dalam belanjawan pada Oktober ini, saya akan pastikan kelincingan program AIM.

"Kita akan kaji secara menyeluruh keperluan AIM dan tambah jumlah anggota (Sahabat Usahawan) serta tingkatkan kegiatan. Ini kerana AIM adalah badan kecil yang kebanyakan (ahli) terdiri orang kampung yang perlu diberi perhatian," katanya.

Berucap merasmikan Karnival Sahabat Usahawan AIM Wilayah Kedah dan Pulau Pinang, di sini semalam, Perdana Menteri berkata, tadbir urus yang baik membolehkan kebajikan rakyat miskin dapat diurus dengan baik dan ia menjadi amanah serta tanggungjawab Kerajaan Perpaduan.

Sehubungan itu, Anwar mengajak rakyat terus bersama Kerajaan Perpaduan bagi memastikan kebajikan mereka, khususnya kelompok miskin tegar atau golongan paling miskin dapat terus dibela.

"Miskin tegar ini nak beli susu, pakaian anak dan uniform (pakaian seragam) pun tak mampu dan kerana itu, Kerajaan Perpaduan buat keputusan mesti selesaikan masalah kemiskinan tegar tahun ini juga. Sekiranya terus diberi mandat, saya akan kerja sedaya upaya membawa perubahan," katanya.